

# Richard Lim pelukis perintis terakhir Sabah

## Ketika meniti usia senja, terus gigih membimbing anak-anak muda



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

UB 12.10.2019 15

**RICHARD** Lim atau nama sebenar beliau Lim Meng Yong lahir di Melaka pada tahun 1943. Semasa mudanya beliau bersama-sama tokoh pelukis perintis negeri Sabah seperti George Chin, Tina Rimmer, Datuk Muhamad Yaman Mus dan ramai lagi.

Beliau berhijrah ke negeri Sabah apabila dilantik sebagai guru di beberapa buah sekolah di negeri ini.

Pada tahun 1969 beliau mula bertugas di Sekolah Tinggi Kota Kinabalu High School (KK High School) sehingga sebagai ketua Jabatan Pendidikan Seni Lukis sekolah berkenaan sehingga 1971.

Setelah beberapa lama beliau dilantik sebagai pensyarah seni lukis dan akhirnya memegang jawatan ketua Jabatan Seni Lukis di kolej berkenaan.

Beliau kini setelah bersara dilantik sebagai pensyarah di Kolej Nasional dan juga ketua Jabatan Seni Lukis, sebuah kolej swasta yang terkenal di negeri ini. Tugas itu dipegang beliau sehingga kini.

Sebagai seorang yang sangat berminat dalam bidang seni lukis sejak kecil beliau berusaha untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang berkenaan.

Cita-cita beliau terkabul apabila ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran seni lukisan di National University, Taiwan Republic of China. Setelah itu beliau dilantik sebagai guru tidak berapa lama beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran di Chelsea College of Art di

London menekankan kepada jurusan seni mural.

Semasa di London beliau banyak memperkayakan diri beliau berkaitan disiplin seni visual seperti seni arca, seni cetakan dan juga seni catan kontemporari. Dalam masa yang sama beliau melanjutkan pelajaran dalam pendidikan seni lukis di Brighton University, United Kingdom.

Di Brighton University beliau banyak mendalami ilmu dan kaedah mutakhir berkaitan pendidikan seni lukis yang dianggap sangat maju ketika itu di sana berbanding dengan negara lain terutamanya negara jajahan Inggeris.

Selepas tamat mendapat ijazah dalam pendidikan seni lukis beliau seterusnya menyambung sekali lagi bidang seni lukis terutamanya catan air dan mendapat tunjuk ajar daripada seorang tokoh catan air terkenal di England Professor Ray Smith dari Universiti Chelsea School of Art yang sama.

Setelah tinggal beberapa lama di United Kingdom beliau kembali ke tanah air dengan menggenggam sijil dan ijazah seni lukis yang diperolehnya dengan beberapa kepayahan dan rintangan.

Sekembalinya di Sabah beliau merasakan bahawa ruang lingkup seni lukis di negeri ini sangat luas terasa seolah-olah beliau begitu kreatif dan terpacu untuk menghasilkan karya seni lukis terutamanya bidang kepakaran beliau iaitu mural.


Sehingga kini beliau menghasilkan hampir 50 buah mural berbagai saiz di beberapa buah lokasi terutamanya sekolah, dewan komuniti serta bangunan kerajaan sejak tahun 1970-an.

Salah satu mural yang terbesar dihasilkan oleh beliau kini dapat dilihat di Dewan Undangan Negeri Sabah yang dibuat daripada bahan 'plaster of Paris' dan gentian kaca yang semasa pembuatannya adalah satu bahan yang berinovasi ketika itu.

Sebagai contoh kewibawaan beliau dalam disiplin seni mural di peringkat antara bangsa adalah apabila ditawarkan untuk melukis mural di Bangunan Shepherds Bush, sebuah syarikat muzik dan



**LAKARAN:** Richard Lim bersama lakaran arca.



**MURAL:** Lukisan kajian untuk mural.

juga emporium terbesar di London.

Beliau juga menempa nama di ibu negara Inggeris apabila menghasilkan karya seni mural di bangunan Rank O Connors sebuah syarikat komunikasi dan muzik dan fileman terkenal antarabangsa.

Richard Lim tidak sahaja berdiam diri malah banyak kerja amal yang dilakukan beliau berkaitan seni lukis misalnya mengadakan kelas seni lukis di sekolah-sekolah rendah dan menengah di daerah Kota Kinabalu.

Pendek kata, ilmu yang diraih oleh beliau di luar negara dicurahkan semula kepada anak watan yang dahagakan kepimpinan melukis di negeri ini.

Justeru, ramai pelukis muda yang mencipta nama pada hari ini pernah berguru dengan beliau misalnya Salleh Sidek, Caroline Majanil, Anne Majanil, Dayang Rosidah Pg Awg Tinggal, Anita Majanil, Adrian Majanil, Indarah Madillah, Awang Jaini Gani, dan ramai lagi sekadar menyebut beberapa tokoh.

Pada Januari 1982 ketika perayaan menyambut ulang tahun 100 tahun negeri Sabah berkerajaan bermula dari North Borneo Chartered Company pada 1881, satu pertandingan lukisan berprestij telah diadakan di seluruh negeri dan keputusannya Richard Lim berjaya merangkul hadiah pertama manakala murid beliau Salleh Sidek menduduki tempat

kedua.

Sekali lagi kewibawaan seorang guru seni begitu menyerlah dan bekas murid beliau juga mengikuti jejak kreatifnya. Kejayaan Richard Lim tentunya membanggakan beliau.

Oleh kerana kegigihan beliau menghasilkan mural di banyak bangunan kerajaan serta sekolah maka banyak akhbar melaporkan setiap karya beliau berjaya menjadi perhiasan di samping mendidik rakyat terhadap kepentingan negara bangsa.

Salah sebuah karya yang terbesar pernah dihasilkan menghiasi bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah serta Perpustakaan Sandakan.

Jika diteliti setiap tempahan membuat mural melalui



**RAKAN SENI:** Richard (bertopi) bersama kawan-kawan.

proses kajian serta lakaran yang memakan masa yang agak lama. Menurut beliau pernah kajian, lakaran serta model mural yang dibuat beliau memakan masa hingga satu tahun. Oleh sebab itu kejayaan mural yang dihasilkan oleh Richard sentiasa memberikan kepuasan kepada khalayak dan juga beliau sebagai satu terapi.

Lebih 20 tahun menabur bakti sebagai seorang pendidik dan juga seniman seni visual kini dalam peringkat umur 76 beliau tetap berkarya menghasilkan banyak lakaran dan juga lukisan sebagai bukti banyak karya beliau yang menghiasi bangunan kerajaan dan swasta umpamanya koleksi di Balai Seni Lukis Sabah, Wisma Pendidikan Sabah, Wisma Bena Kota Kinabalu, Hospital Queen Elizabeth, Lee Hao Pök Restaurant, London dan Dewan Undangan Negeri Sabah serta banyak sekolah yang dihiasi dengan mural hasil tangan serta tunjuk ajar beliau sebagai guru lukisan yang berdedikasi.

Boleh dikatakan minat beliau sangat tinggi lebih-lebih lagi beliau mendapatsuntikan mempelajari seni mural yang dibuat oleh pelukis mural Mexico yang terkenal sekitar 1960-an seperti Diego Rivera, Jose Orozco, David Siqueiros ketika mengikuti kuliah di Chelsea University, walaupun tidak memperjuangkan revolusi seperti pelukis-pelukis Mexico namun beliau berjaya menyedarkan

masyarakat mencintai negeri kelahiran mereka dan patut berbangga kerana keharmonian berbilang bangsa dan etnik melalui lukisan mural yang tersergam indah dan memukau di mana sahaja ia dipamerkan.

Sebagai pelukis mural beliau sentiasa mencari kesan baharu dalam karya beliau salahsatu unsur bagi menarik minat bukan sahaja saiznya bahkan bahan tara yang baharu perlu digarapkan dalam karya beliau.

Di samping itu beliau tidak lupa kepada seni budaya tempatan, kehidupan etnik, keindahan muka bumi dan tidak lupa seni budaya bangsa yang diolah oleh beliau seolah-olah sangat intim dalam komposisi yang sangat menarik.

Kemahiran beliau membina arca menjadi salah satu forte beliau di mana banyak arca yang dibuat oleh beliau dalam pelbagai bahan tara seperti simen fondue, besi dan juga gentian kaca dan plaster.

Dalam usia yang sudah menemui senja, Richard masih gigih membimbing anak-anak muda terutama di sekolah-sekolah ketika ini. Beliau menjadi guru dan pembimbing kepada Persatuan Seni Lukis Sekolah Menengah Kian Kok Jalan Tuaran Kota Kinabalu dengan berbagai-bagai projek mural, dan kraf tangan.

Semangat Richard memang tidak mengenal penat dan lelah kerana kecintaan beliau terhadap seninya.